

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah statistik operator serta kegunaan *e-hailing* motosikal di Malaysia setelah dilancarkan dan adakah operator perlu mengambil Lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (PSV) pada masa yang akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat bulan Februari 2020, hanya terdapat 2 syarikat sahaja yang berdaftar untuk melaksanakan proses POC bike-hailing iaitu Dego Malaysia Sdn Bhd dan GrabCar Sdn Bhd.
2. Walaubagaimanapun, proses pelaksanaan *Proof of Concept* (POC) telah ditangguhkan buat masa ini bagi membolehkan aspek pelaksanaan konsep perkhidmatan ini diteliti lebih lanjut termasuk mengambil kira perkara berbangkit susulan pandemik Covid-19 terutamanya isu-isu keselamatan dan kesihatan awam serta bagi membolehkan satu hala tuju jangka masa panjang mengenai perkara ini dapat dibangunkan dengan mengambilkira perkara-perkara berkenaan.

Sekian, terima kasih.